

PM lancar buku Wilfred Madius

KUALA LUMPUR 12 Dis. - Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini melancarkan buku *Komunikasikan Sains, Tulus, Integriti Demi Kesejahteraan Masyarakat* tulisan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau sempena Persidangan Komuniti Keusahawanan Global 2017 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini.

Menurut Wilfred Madius, buku tersebut merupakan hasil penyelidikan pegawai-pegawai kementeriannya dan himpunan 42 artikel tulisannya selama setahun yang pernah disiarkan dalam akhbar tempatan Sabah, *Daily Express Sabah*.

Kata beliau, buku yang diterbitkan dalam dua versi bahasa iaitu bahasa Melayu dan Inggeris itu berperanan sebagai medium komunikasi mengenai kepentingan sains, teknologi dan inovasi kepada masyarakat.

"Sains, teknologi dan inovasi merupakan langkah pertama untuk semua pihak mencapai sebarang matlamat, justeru buku ini saya dedikasikan kepada generasi Transformasi Nasional 2050 (TN50).

"Di samping itu, saya secara peribadi berharap buku ini dapat berperanan sebagai wacana penting kepada semua pihak untuk meningkatkan pertumbuhan produktiviti dalam pelbagai aktiviti industri," katanya.

Buku terbitan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) itu mengandungi 307 muka surat meliputi empat bab

Waktu Solat	ITBM						
	SABUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK	
KUALA LUMPUR	dari kawasan sejak waktu dengannya	5.48	7.08	1.10	4.33	7.06	8.21
PULAU PINANG	dari kawasan sejak waktu dengannya	5.57	7.17	1.15	4.37	7.09	8.23
KUANTAN	dari kawasan sejak waktu dengannya	5.42	7.02	1.05	4.27	7.02	8.16
JOHOR BAHRU	dari kawasan sejak waktu dengannya	5.36	6.59	1.02	4.25	7.01	8.16
KUCHING	dari kawasan sejak waktu dengannya	5.12	6.30	12.37	4.00	6.36	7.51

iaitu Ekonomi Kreatif dan Digital, Sains untuk Dasar dan Diplomasi, Kesejahteraan dan Pemerkasaan Masyarakat serta Wawasan dan Bakat untuk Masa Depan.

Kedua-dua versi bahasa buku itu dijual pada harga RM40 se-naskhah dan boleh didapati di kedai buku ITBM pembelian dalam talian, www.itbm.com.my.

Terdahulu, Perdana Menteri turut menyampaikan Anugerah Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY) 2017 kepada Tactical Communications Operational Management System (TACCOMS) dari Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) yang membawa pulang trofi dan wang tunai berjumlah RM230,000.



NAJIB TUN RAZAK melancarkan buku *Komunikasikan Sains, Tulus, Integriti Demi Kesejahteraan Masyarakat* sempena perasmian Persidangan Komuniti Keusahawanan Global 2017 di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/ZAINI HUSIN